

30/05/2002

Kerajaan akan kaji aduan Rais: PM

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan akan mengkaji aduan yang dibuat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim yang baru-baru ini mengkritik pihak berkuasa kerana bersikap 'hangat-hangat tahi ayam' ketika menjalankan siasatan kes pecah amanah yang membabitkan individu atau organisasi tertentu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Rais memberi taklimat kepadanya ketika mesyuarat Kabinet hari ini dan percaya ada sebab bagi menteri itu untuk membuat kenyataan seumpamanya.

"Ya, dia memberi taklimat kepada saya mengenai perkara itu dan saya fikir dia ada sesuatu yang menyebabkannya membuat kenyataan itu. Kita akan mengkaji perkara itu," katanya selepas merasmikan Kongres Sedunia Persekutuan Hartanah Antarabangsa (FIABCI) 2002 di sini, petang ini.

Rais baru-baru ini dilaporkan sebagai berkata ada beberapa kes yang 'panas' ketika pada awal siasatan tetapi akhirnya senyap begitu saja walaupun ada bukti berlakunya penyelewengan, dan fenomena ini seolah-olah menjadi satu trend dalam siasatan pecah amanah di negara ini sejak kebelakangan ini.

Perdana Menteri mengakui kenyataan Rais itu dibuat berasaskan fakta dan menyatakan bahawa kenyataan itu dibuat tanpa menuduh sesiapa seperti dijelaskan oleh menteri itu.

"Tetapi hakikatnya ialah ada perkara yang digembar-gemburkan oleh media, seolah-olah orang itu sudah salah...lepas itu senyap begitu saja. Kalau pun orang itu tak salah, sepatutnya diberitahulah, kata tak salah. Kalau salah, bagi tahu salahlah.

"Tapi kita tahu banyak kes yang mana media memainkan peranan untuk menonjolkan sesuatu," katanya.

Sehubungan itu juga, Dr Mahathir menegur pihak media kerana memberi layanan istimewa kepada seseorang yang menghadapi dakwaan di mahkamah dan dijadikan seperti seorang hero.

Katanya, beliau sendiri tidak faham apa tujuan media memberi publisiti sehingga menjadikan seseorang itu sebagai hero, sedangkan dia lari dari negara ini beberapa tahun lalu.

"Tapi sekarang ini dia balik menjadi hero. Semua orang lapor tentang dia nak buat itu dan ini. Saya tak fahamlah apa dia tujuan nak jadi orang seperti ini sebagai hero," katanya.

Ketika ditanya sama ada beliau merujuk secara khusus kepada peniaga Datuk Soh Chee Wen yang menghilangkan diri selama tiga tahun, tetapi ditahan sebaik tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang pada 14 Mei lalu sebelum didakwa di Mahkamah Sesyen di Shah Alam, Dr Mahathir berkata:

"Saya tidak tahu siapa yang saya rujuk. Anda boleh teka sendiri...tekaan anda adalah sebaik saya."

Isu yang sama juga disentuh Rais baru-baru ini apabila menyatakan bahawa sejak akhir-akhir ini, beliau mendapati ada orang yang sedang menghadapi beberapa siasatan, apabila pulang ke tanah air disambut seperti seorang kenamaan (VIP).

Ketika ditanya mengulas kritikan Amnesty International dalam laporan terbarunya yang mendakwa rekod hak asasi manusia Malaysia adalah buruk, Perdana Menteri berkata perkara itu sudah menjadi kebiasaan bagi mereka.

"Di tempat lain orang tinas, bunuh, ada pembunuhan beramai-ramai pun, dia tak bagi perhatian...dia nak bagi perhatian kepada Malaysia. Tengoklah

rakyat Malaysia ini, apakah mereka berasa mereka tertindas? Sebenarnya mereka suka untuk diselamatkan daripada keganasan sesetengah pihak," katanya.

Sementara itu, Rais ketika dihubungi petang ini berkata Kabinet sudah meminta pihak berkuasa yang terbabit untuk memberi taklimat kepada Perdana Menteri mengenai siasatan yang tertangguh tetapi hasilnya tidak memuaskan.

Katanya, beliau memberi taklimat kepada Dr Mahathir dan Kabinet hari ini mengenai perkara yang dibangkitkannya baru-baru ini tetapi mencetus kontroversi dan ia diterima baik oleh jemaah menteri.

"Kabinet menyatakan mengenai perlunya pihak berkuasa tertentu untuk melaporkan kepada Perdana Menteri mengenai perkara tertentu berkaitan pentadbiran undang-undang dan urus tadbir yang baik.

"Taklimat oleh pihak berkuasa terbabit akan termasuk perkara tertangguh secara am dan kes-kes khusus. Menteri yang berkaitan akan juga hadir," katanya tetapi enggan menyatakan pihak berkuasa yang dimaksudkan atau kes yang diberitahu kepada Kabinet.

Rais juga berkata Kabinet bersetuju bahawa pada masa depan, semua isu utama harus dibawa ke mesyuarat jemaah menteri sebelum ia dibawa ke pengetahuan awam menerusi media.

(END)